



KEMENTERIAN PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI

LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation Industries and Commodities)



Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. :

30 Disember 2020

Semua Pemegang Lesen MPOB

Tuan,

**SURAT KEBENARAN PERJALANAN UNTUK MEMBELI, MENJUAL DAN MENGALIH
KELUARAN KELAPA SAWIT DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN
SELANGOR SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
BERSYARAT (PKPB) 1 – 14 JANUARI 2021**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2 Berikutan dengan pengumuman kerajaan untuk melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sehingga 14 Januari 2021, kegiatan sektor ekonomi, industri dan perniagaan dibenarkan beroperasi seperti biasa namun perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ketat yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Sehubungan itu, perjalanan keluar dan masuk dari atau ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor yang dilaksanakan PKPB tuan perlu menunjukkan surat ini kepada pihak berkuasa (Polis, Tentera, Majlis Tempatan dan lain-lain) sebagai surat kebenaran untuk menjalankan operasi (membeli, menjual dan mengalih) keluaran kelapa sawit.

3. Di samping itu, tuan juga dikehendaki menunjukkan salinan lesen MPOB yang dimiliki ataupun sebarang dokumen pengalihan keluaran kelapa sawit dari pihak penjual dan pembeli (seperti MPOB L3 atau arahan penyerahan buah kelapa sawit yang ditandatangani pekebun kecil) kepada pihak berkuasa berkenaan. Dipohon kerjasama daripada pihak tuan dalam memastikan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan segala arahan MKN dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

DR. AHMAD PARVEEZ HJ GHULAM KADIR
Ketua Pengarah